


Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN (A)/400-0/2146/A/ Jld.2(56)

Tarikh : 18 Mac 2002

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2002
KADAR CARUMAN KWSP BAHAGIAN SYER PEKERJA DIPULIHKAN SEMULA**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pemulihan semula kadar caruman KWSP bahagian syer pekerja yang dikurangkan untuk selama satu tahun melalui Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bilangan 3 Tahun 2001 bertarikh 12 April 2001 akan berakhir pada bulan Mac 2002.

2. KADAR CARUMAN KWSP BAHAGIAN SYER PEKERJA

Kadar caruman KWSP bahagian syer pekerja adalah dipulihkan semula daripada 9% kepada 11%. Kadar caruman KWSP bahagian syer majikan tidak berubah (12%).

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Anggota Perkhidmatan Awam yang masih mencarum KWSP dan gaji mereka dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP), pemulihan semula kadar caruman KWSP bahagian syer pekerja akan dibuat secara automatik (termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri) oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.
- 3.2 Anggota Perkhidmatan Awam yang gaji mereka tidak dibayar melalui SGP, pemulihan semula kadar caruman KWSP bahagian syer pekerja hendaklah dibuat secara manual oleh Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 3.3 Semua Borang Input PAY-A3 yang melibatkan caruman KWSP untuk perubahan gaji bulan April 2002 mestilah menggunakan semula Jadual Ketiga (Seksyen 43) Kadar Caruman KWSP Bulanan yang dipindah dalam tahun 1995 dan berkuatkuasa pada 01 Januari 1996.

4. TARIKH KUATKUASA

Pemulihan semula kadar caruman KWSP ini berkuatkuasa 01 April 2002.

5. PENUTUP

Jika ada sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan ini melalui nombor telefon 088-255628, 257111 atau E-Mel Sabah Net pnkacc.f.jbn@sabah.gov.my untuk mendapat maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian dan harap maklum.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGERA DENGAN BERSIH,CEKAP DAN AMANAH “
“ BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA”**



(PHILIP N.K.CHIU)
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p: Encik Denis Mijin)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Cik Phak Shiu Len)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p: Encik Rusdin Riman)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Encik John Angelo)

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Cik Cecilia Chang)

s.k. Semua Bendahari Daerah.